

Soalan Lazim untuk Dana Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) 2022 BNM

No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah itu Kemudahan Bantuan Bencana (Disaster Relief Facility, DRF) 2022?	DRF 2022 merupakan kemudahan pembiayaan yang ditubuhkan oleh BNM untuk PKS dan perusahaan mikro yang terjejas akibat banjir.
2.	Bilakah saya boleh memohon DRF 2022?	DRF 2022 ini akan disediakan mulai 27 Disember 2021 sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya (atau sehingga diberitahu kelak).
3.	Adakah saya layak memohon DRF 2022?	PKS dan perusahaan mikro yang terjejas akibat banjir, yang terletak di daerah yang dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kawasan bencana banjir yang layak memohon DRF 2022. Untuk maklumat lanjut sila layari (https://portalbencana.nadma.gov.my/ms/informasi-bencana)
4.	Bolehkan saya memohon DRF 2022 walaupun saya bukan pelanggan sedia ada HLB/HLISB?	Ya. Anda boleh memohon DRF 2022 sekiranya anda memenuhi syarat kelayakan.
5.	Pembiayaan DRF boleh digunakan untuk tujuan apa?	Pembiayaan DRF boleh digunakan untuk membaiki dan/atau menggantikan aset untuk kegunaan perniagaan yang telah rosak akibat banjir dan/atau modal kerja.
6.	Berapakah jumlah pembiayaan maksimum dan tempoh pegangan di bawah DRF 2022?	PKS dan perusahaan mikro yang layak boleh mendapatkan pembiayaan hingga RM500,000 bagi setiap PKS dan hingga RM75,000 bagi setiap perusahaan mikro. Tempoh pembiayaan hingga 5 tahun, termasuk tempoh moratorium selama 6 bulan ke atas bayaran pokok dan faedah/keuntungan.
7.	Berapakah kadar pembiayaan DRF 2022?	Kadar pembiayaan efektif maksimum ialah 3.50% setahun termasuk fi jaminan.

No	Soalan	Jawapan
8.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon DRF 2022?	Dokumen yang diperlukan termasuk: <ul style="list-style-type: none">● Gambar atau sebarang bukti dokumentari kerosakan / gangguan perniagaan akibat banjir.● Penyata bank 6 bulan terkini● Penyata kewangan (diaudit dan / atau pengurusan)● Dokumen pendaftaran perniagaan● Salinan IC pengarah / rakan kongsi / pemegang saham● Sebarang dokumen tambahan yang diperlukan oleh Bank.
9.	Adakah saya perlu menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah DRF 2022?	Tidak. Anda tidak perlu menyediakan cagaran di bawah DRF 2022.
10.	Bagaimana saya tahu bahawa permohonan saya sedang disemak oleh Bank?	Anda akan dihubungi oleh Bank dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan/permohonan anda diterima.